

LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA LATIHAN ZON KEJURURAWATAN (JULAI - DIS 2026)

Laporan Ringkas Aktiviti EKSA

Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon Kejururawatan telah diadakan secara bersemuka pada 3 Julai 2026 (Jumaat), dari pukul 3.00 petang hingga 4.30 petang di Bilik Mesyuarat Dahlia, Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Taklimat telah disampaikan oleh Encik Hairulnizam bin Yusoff selaku Fasilitator EKSA Zon Kejururawatan dan dihadiri oleh seramai 36 orang warga Bahagian Kejururawatan.

Taklimat ini bertujuan meningkatkan kefahaman warga kerja mengenai pelaksanaan EKSA, memperkukuh amalan 5S serta memupuk budaya kerja yang lebih sistematik, kemas dan kondusif. Program berlangsung dengan lancar dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.



1.0 Taklimat telah diberikan oleh fasilitator EKSA.



1.2 Kakitangan Bahagian Kejururawatan memberi tumpuan pada taklimat yang diberikan.



1.3 Mencatat setiap nota yang diberikan agar pelaksanaan EKSA dapat diamalkan.